DOKTRIN *MASLAHAH MURSALAH* DAN HUBUNGANNYA DENGAN *BID'AH*: APLIKASINYA DALAM IBADAH BERKAITAN SOLAT DI MALAYSIA.

0leh: Mohd Fauzi bin Audzir*

*Calon Phd. Syariah, Kulliyyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kuala Ketil, Baling, Kedah, Darul Aman.

Abstrak

Mengaplikasikan doktrin *al-maslahah al-mursalah* dalam ibadah-ibadah yang berkaitan dengan solat yang diamalkan di Malaysia dapat memberi jawapan hukum yang tepat khusus untuk umat Islam di sini. Tidak adil sekiranya penentuan sesuatu hukum hanya dinilai semata-mata dari sudut ada ataupun tiada sesuatu amalan itu di zaman Rasulullah SAW dan di Tanah Arab. Sebaliknya, perlu juga dinilai apakah kebaikan yang diperolehi daripada amalan yang baharu tersebut dan adakah ianya sesuai dengan *Shari'at* untuk diamalkan di sini berdasarkan latar belakang yang berbeza? Sekiranya sesuatu amalan itu mendatangkan keburukan, maka amalan yang dikatakan *bid'ah* tersebut perlulah dihindari. Namun, jika ianya mendatang-kan kebaikan, maka bolehlah ianya diteruskan. Dalam kajian ini, penulis terlebih dahulu memperkatakan tentang konsep *al-maslahah al-mursalah*, kemudian diikuti dengan konsep *al-bid'ah*, kaitan antara *al-maslahahal-mursalah* dengan *bid'ah* dan seterusnya mengaplikasikan kedua-duanya dalam empat amalan yang terpilih berkaitan solat di Malaysia. Penulis berharap supaya setiap hukum yang hendak ditentukan selain berpandukan ada atau tiadanya sesuatu amalan tersebut di zaman Rasulullah SAW, ianya juga perlu dinilai dari sudut peranan *al-maslahah al-mursalah* berkaitannya.

Kata kunci*: *al-masalih al-mursalah, al-bid'ah, 'uruf, solat, zikir.

Pendahuluan

Menjadi tradisi umat Islam di Malaysia mengamalkan ibadat tertentu sebelum dan selepas menunaikan solat *farḍu* lima waktu seperti berwirid dan berdoa secara berjama'ah. Mengaitkan amalan-amalan tersebut dengan *bid'ah* yang dikeji dan sesat (*madhmūmah wa ḍalālah*) adalah sesuatu yang menggugat keislaman dan keberkatan dalam hidup mereka. Melalui kajian ini, penulis dapat menyumbang dalam meyakinkan mereka bahawa apa yang diamalkan semenjak sekian lama tersebut adalah bertepatan dengan *Shara'* melalui aplikasi konsep *al-maslahahal-mursalah* padanya.

Maṣlaḥah Mursalah

Pengertian *Maṣlaḥah Mursalah*

Dari segi bahasa, al-*maṣlaḥah al-mursalah* berasal daripada gabungan dua perkataan iaitu *maṣlaḥah* dan *mursalah*. *Maṣlaḥah* dari segi bahasa adalah kata terbitan (*maṣdar*) yang bermakna *al-ṣalāḥ* yakni kebaikan.[1]

Dari sudut istilah pula, para *fuqahā'* memberikan banyak takrifan, antaranya ialah:

Pertama:
Menurut Muhammad Ahmad Burkab*, maṣlaḥah* pada asasnya adalah suatu gambaran daripada meraih kebaikan (*manfa`ah*) atau menghindarkan kemudaratan (*maḍarrah*) iaitu ke arah memelihara tujuan *Shara'*. Oleh itu, dapat difahami bahawa yang dimaksudkan dengan *maṣlaḥah* ialah meraih atau memberi kebaikan dan menolak kemudaratan dalam kerangka memelihara tujuan *Shara'* yang meliputi lima perkara, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.[2]

Kedua:
Menurut Sa`id Ramaḍān al-Būtī, *maṣlaḥah* adalah kebaikan yang ditentukan oleh Maha Pencipta untuk kepentingan hamba-Nya, dengan tujuan menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.[3]

---

[1]Muhammad 'Ibn Mukarram Bin 'Ālī Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn 'Ibn Manẓūr al-Ruwaifi'ī (1992), ***Lisān al-'Arab***, jld. II, hlm. 229.
[2]Muḥammad Aḥmad Būrkab (2002), ***al-Maṣlaḥah al-Mursalah wa Atharuhā fi Murūnah al-Fiqh al-Islāmī***, Dubai: Dār al-Buḥūth, hlm. 72.
[3]Muhammad Sayyid Ramaḍān al-Būṭī (2000), ***Ḍawābiṭ al-Maṣlaḥah fi Sharī`ah al-Islāmiyyah***, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, hlm. 27.

Berdasarkan dua pengertian di atas, dapat disimpulkan bahawa adanya persamaan persepsi antara satu sama lain iaitu:

i. *Maslaḥah* mestilah berada dalam ruang lingkup tujuan *Shara'* dan tidak boleh disandarkan kepada keinginan hawa nafsu.

ii. *Maṣlaḥah* mestilah mengandungi dua unsur penting iaitu memberi kebaikan dan menolak kemudharatan.

Manakala *mursalah* pula bererti mutlak, iaitu yang dilepaskan, tidak diikat dengan dalil yang memperakukannya atau dengan dalil yang menolaknya.[1]

Maṣlaḥah mursalah dari segi istilah pula diertikan sebagai satu kaedah pengeluaran hukum yang tiada dalil khusus mengenainya dan tidak pula diketahui penerimaan atau penolakan *Shara'* terhadapnya.[2]

Asal Terbitan *Maṣlaḥah Mursalah* Dalam Ilmu Usul Fiqah

Para *Ulamā' usul* fiqah (*uṣūliyyūn*) membahagikan *maṣlaḥah* kepada tiga bahagian iaitu *maṣlaḥah* dari sudut kekuatan, umum atau khusus dan diperakui atau ditolak.

Dari sudut kekuatan, ia terbahagi kepada tiga:

i. *Maṣlaḥah ḍarūriyyah*, iaitu *maṣlaḥah* yang utama dan penting dalam kehidupan manusia dan tidak boleh diabaikan. Sekiranya ia diabaikan, tiada lagi keseim-bangan dalam kehidupan sama ada di dunia atau di akhirat.[3] *Maṣlaḥah* ini dapat disimpulkan sebagai penjagaan terhadap lima tujuan asas Shari'at iaitu agama, nyawa, akal fikiran, keturunan dan harta.

ii. *Maṣlaḥah hājiyah*, iaitu *maṣlaḥah* yang menjadi keperluan kepada manusia bagi memudahkannya menjalani kehidupan dan mengelakkan

---

[1]Dr. Muhammad Muṣṭafā al-Zuhaylī (2006***), al-Wajīz fi Uṣṣūl al-Fiqh al-Islāmī***, Damshiq: Dār al-Khair li al-Ṭibā`ah wa al-Nashr wa al-Tawzī`, cet. 2, gld. 1, hlm. 253.

[2]Ramaḍān `Abd al-Wadūd (1987***), al-Ta'līl bi Maṣlaḥah `Inda al-Uṣūliyyīn***, Kaherah: Dār al-Hudā li al-Ṭabā`ah, hlm. 162.

[3]H. Said Agil Husin al-Munawar (1998), ***Konsep al-Maslahah Sebagai Satu Sumber Perundangan Islam,*** Jurnal Islamiyyat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi: UKM, jld. XVIII, hlm. 63.

kesulitan serta kesukaran dalam kehidupan.[1] Namun, ketiadaannya tidaklah membawa kepada kepincangan seperti tiadanya *maṣlaḥah ḍarūriyyah*. Contohnya, diberikan kelonggaran (*rukhṣah*) kepada orang yang bermusafir untuk berbuka puasa dan melakukan solat *jamā`* dan *qaṣar*.[2]

iii. *Maṣlaḥah taḥsīniyyah*, iaitu *maṣlaḥah* yang menyempurnakan kehidupan manusia. Sekiranya maslahah ini tiada, tidaklah membawa kepada ketidak-tenteraman dan porak peranda, berbeza jika tidak dijaga *maṣlaḥhah ḍarūriyyah*, dan tidak juga membawa kesulitan dalam kehidupan manusia seperti ketiadaan *maṣlaḥah hājiyah*. Namun, ketiadaannya akan membawa kepada ketidaksem-purnaan dalam kehidupan. Antara contohnya ialah menjaga adab ketika makan dan minum dan memakai pakaian yang cantik pada hari raya.[3]

Dari sudut umum dan khusus pula, ia terbahagi kepada tiga:

i. *Maṣlaḥah 'āmmah* iaitu *maṣlaḥah* yang merangkumi seluruh manusia. Contohnya pensh ariatan membunuh ahli *bid'ah* jika dibimbangi golongan ini akan mem-pengaruhi umat Islam dengan perbuatan *bid'ah* yang mereka lakukan.[4]

ii. *Maṣlaḥah aghlabiyyah* iaitu *maṣlaḥah* yang hanya melibatkan sebahagian besar manusia sahaja. Contohnya jaminan yang dikenakan ke atas pengilang terhadap produk yang dikeluarkan oleh mereka. Ini kerana, mereka yang berurusan dengan pengilang hanyalah sebahagaian besar manusia sahaja dan bukannya keselu-ruhannya.[5]

iii. *Maṣlaḥah khāssah* iaitu *maṣlaḥah* yang merujuk kepada kemaslahatan individu tertentu pada situasi tertentu. Contohnya adanya kemaslahatan bagi seorang isteri agar hakim menetapkan keputusan *fasakh* kerana suaminya hilang.[6]

Manakala dari sudut perakuan dan penolakan *Shara'* pula, ia terbahagi kepada tiga bahagian:

---

[1] ***Ibid***.
[2] ***Ibid.***
[3] ***Ibid***, hlm. 64.
[4] Muhammad Ahmad Būrkab (2002), ***op. cit***, hlm 45.
[5] ***Ibid***.
[6] H. Said Agil Husin al-Munawar (1998), ***op. cit***, hlm 64.

i. *Maṣlaḥah mu'tabarah* iaitu *maṣlaḥah* yang sabit dengan *naṣṣ* atau *ijmā'*.[1] Dengan erti kata lain, *maṣlaḥah* tersebut diperakui oleh *Shara`* samada melalui *naṣṣ* atau *ijmā'*. Contohnya, penshariatan hukuman *ḥadd* ke atas penzina. Ia bertujuan menjaga keturunan dan nasab manusia yang terdapat *naṣṣ* al-Quran yang memperakui hukuman tersebut. Firman Allah SWT:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ [2]

Yang bermaksud:
"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat
tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat."

Dalam *naṣṣ* di atas, *Shara'* memperakui hukuman sebat ke atas penzina. Ia bertujuan untuk memelihara kemaslahatan umat manusia dari segi menjaga keturunan dan ia bertepatan dengan prinsip *maqāṣid shar'iyyah*.

ii. *Maṣlaḥah mulghah*, iaitu *maṣlaḥah* yang tidak diperakui oleh *Shara`* melalui naṣṣ-naṣṣ secara langsung. Contohnya pembahagian sama rata antara lelaki dan perempuan dalam pembahagian harta pusaka.[3] Walaupun pada awal kelihatan ia memberikan kesaksamaan pembahagian harta pusaka kepada kedua-dua belah pihak, namun ia tidak diiktiraf oleh *Shara'* berdasarkan firman Allah SWT:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ[4]

Yang bermaksud:
"*Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan."*

Dalam ayat di atas, Allah SWT telah menetapkan bahawa dalam pembaha-gian harta pusaka, lelaki mestilah memperolehi bahagian yang

[1] Ramaḍān `Abd al-Wadūd (1987), ***op. cit***, hlm. 159.
[2] Al-Qur'an, surah al-Nūr: 2.
[3] Al-Zuhaylī (2006), ***op. cit***, hlm. 253.
[4] *Al-Qur'an*, surah al-Nisā': 11

lebih daripada perempuan dengan nisbah 2:1. Oleh itu, pembahagian secara sama rata antara lelaki dan perempuan adalah terbatal.

iii. *Maṣlaḥah mursalah*, iaitu *maṣlaḥah* yang tiada dalil khusus mengiktirafnya samada ianya diterima atau ditolak. Ia merupakan antara bentuk yang paling sesuai bagi menggambarkan nilai fleksibiliti perundangan Islam. Ini kerana terdapat banyak contoh yang menunjukkan kaedah ini begitu relevan untuk diaplikasikan. Antara contohnya ialah pengumpulan al-Quran dalam satu *muṣhaf* pada zaman Saidina Abu Bakar, mengenakan cukai tanah (*kharāj*) terhadap tanah pertanian yang dirampas oleh tentera Islam dan tidak membahagikannya kepada tentera-tentera Islam pada zaman Saidina Umar al-Khattāb. Semua perkara ini tidak dinyatakan secara jelas oleh Allah SWT melalui *naṣṣ* al-Quran mahupun hadith sama ada diperakui atau ditolak.[1]

Daripada pembahagian *maṣlaḥah* di atas jelas bahawa asal usul *maṣlaḥah mursalah* adalah daripada pembahagian *maṣlaḥah* yang ketiga iatu dari sudut perakuan dan penolakan Shara'. Ianya berkait rapat dengan *ijtihād* melalui aplikasi sumber-sumber hukum yang tidak disepakati oleh *uṣūliyyūn* seperti *'urf* dan *sad al-dharāi'*. Pemerhatian Saidina Abū Bakar dan Saidina 'Umar RA tentang *maṣlaḥah mursalah* ini adalah bukti bahawa ianya perlu diambilkira dalam proses mengeluarkan hukum hakam.

Bid'ah

Pengertian *Bid'ah*

Pengertian *bid'ah* dari segi bahasa ialah:

كلّ مُحْدَثة [2]

Yang bermaksud:
"Setiap yang diciptakan"

Takrif yang lain:

ما كان مخترعا على غير مثال سابق[1]

[1]Al-Zuhaylī (2006), ***op. cit***, hlm. 254.
[2]Muḥammad bin Aḥmad bin al-Azharī al-Harawī (2001), ***Tahzīb al-Luqah*** (sunt. Muḥammad 'Ūḍ Mur'ab), Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, jld. II, hlm. 142.

Yang bermaksud
"Apa-apa yang diciptakan tanpa ada contoh yang terdahulu."

Semua takrif *bid'ah* dari segi bahasa merujuk kepada: "Sesuatu perkara atau amalan baru yang diciptakan atau diadakan yang tidak ada contoh sebelumnya."

Dari segi istilah pula, Imam 'Izzuddin bin 'Abd al-Salam menyatakan ianya ialah:

فِعْلُ مَا لَمْ يُعْهَدْ فِي عَصْرِ رَسُولِ اللَّهِ – صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ [2]

Yang bermaksud:
"Mengamalkan sesuatu yang tidak pernah dibuat pada zaman Rasulullah SAW."

'Ibnu Rajab al-Hanbali menyatakan takrif bid'ah seperti berikut:

مَا أُحْدِثَ مِمَّا لَا أَصْلَ لَهُ فِي الشَّرِيعَةِ يَدُلُّ عَلَيْهِ [3]

Pembahagian *Bid'ah* Berdasarkan Ulasan Para *'Fuqahā'*

Menurut 'Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Imam al-Syāfi'ī membahagikan *bid'ah* kepada dua bahagian iaitu:

i. *Bid'ah* yang dikeji atau sesat (*madhmūmah aw ḍalālah)* dan *bid'ah* yang dipuji atau baik (*maḥmūdah aw ḥasanah*). Imam al-Syāfi'ī berkata:

=

[1]Muḥammad bin 'Alī 'Ibn al-Qāḍī Muḥammad Ḥāmid bin Muḥammad Ṣābir al-Fārūqī al-Ḥanafī al-Tahānawī (1996), ***Mawsū'ah Kashhā Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-'Ulūm*** (sunt. Dr Raqīq al-'Ajamī ed), Beirut: maktabah Lubnān Nāshirūn, jld. 1, hlm 313.
[2]Abū Muḥammad 'Izz al-Dīn 'Abd al-'Azīz bin 'Abd al-Salām bin Abī al-Qāsim bin al-Ḥasan al-Silmī (1991), ***Qāwa'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām***, Kaherah: Maktabah al-Kulliyyāt al-Azhariyyah, jld. 2, hlm. 204.
[3]Zain al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab bin al-Ḥasan al-Salāmī al-Baghdādī al-Ḥanbalī (2001), ***Jāmi'al-'Ulūm wa al-Ḥikam*** (sunt. Ibrāhīm Bājis), Beirut: Muassasah al-Risālah, cet. 7, jld. II, hlm. 131.

الْبِدْعَةُ بِدْعَتَانِ مَحْمُودَةٌ وَمَذْمُومَةٌ فَمَا وَافَقَ السُّنَّةَ فَهُوَ مَحْمُودٌ وَمَا خَالَفَهَا فَهُوَ مَذْمُومٌ [1]

Yang bermaksud:
"Bid'ah itu ada dua jenis iaitu bid'ah yang dipuji dan bid'ah yang dikeji. Apa yangselari dengan al-Sunnah, maka ia dipuji dan apa yang ber-tentangan dengannya, maka ia dikeji."

'Ibn Rajab dari Madhhab Ḥanbalī juga menukilkan pandangan Imam al-Shāfi'ī seperti berikut:

الْمُحْدَثَاتُ ضَرْبَانِ مَا أُحْدِثُ يُخَالِفُ كِتَابًا أَوْ سُنَّةً أَوْ أَثَرًا أَوْ إِجْمَاعًا فَهَذِهِ بِدْعَةُ الضَّلَالِ وَمَا أُحْدِثُ مِنَ الْخَيْرِ لَا يُخَالِفُ شَيْئًا مِنْ ذَلِكَ فَهَذِهِ مُحْدَثَةٌ غَيْرُ مَذْمُومَةٍ [2]

Yang bermaksud:
"Perkara-perkara baharu yang diada-adakan itu dua jenis: (Pertama), perkara baharu yang bercanggah dengan Al-Qur'an atau sunnah atau athār sahabat atau ijmā', maka inilah bid'ah yang sesat (ḍalālah). Dan (kedua) perkara baharu yang diadakan dari segala kebaikan yang tidak bertentangan dengan mana-mana daripada empat perkara itu, maka ia adalah bid'ah yang bukan keji."

Pandangan Imam al-Shāfi'ī yang dinukilkan oleh 'Ibn Ḥajar al-'Asqalāni dan 'Ibn Rajab seperti di atas menunjukkan bahawa *bid'ah* perlulah dinilai terlebih dahulu samada diterima atau ditolak. Sekiranya ianya bertepatan dengan *al-Sunnah* atau memberi kebaikan (*maṣlahah*) kepada orang-orang Islam samada secara individu atau masyarakat seperti merapatkan persaudaraan dan merancakkan amalan sunnah, maka ianya adalah termasuk dalam *bid'ah ḥasanah* atau *maḥmūdah* dan ianya perlu diteruskan. Namun, sekiranya ianya bercanggah dengan *al-Sunnah* serta menda-tangkan keburukkan seperti keruntuhan moral, kecederaan dan kesesatan, maka ianya patut diketegorikan sebagai *bid'ah ḍalālah* atau *madhmūmah*.

[1] Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍl al-'Asqalāni al-Shāfi'ī (1397H), ***Fatḥ al-Bārī***, Beirut: Dār al-Ma'rifah, jld. 13, hlm. 253.
[2] ***Ibid.***

ii. Pandangan seterusnya daripada 'Ibn Taymiyyah.
'Ibn Taymiyyah berpandangan sebaliknya. Beliau berhujjah dalam kebanyakan fatwanya bahawa setiap *bid'ah* adalah sesat dan menyeru umat Islam agar mengikut petunjuk Rasulullah SAW.[1] Beliau mengulangi kenyataan ini berdasarkan zahir hadith yang diriwayatkan daripada Jābir bin 'Abdillah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ – صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ – كَانَ يَقُولُ فِي خُطْبَتِهِ: إِنَّ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ، وَشَرَّ الْأُمُورِ مُحْدَثَاتُهَا، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ [2]

Yang brmaksud:
"Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda dalam khutbahnya: Sesung-guhnya sebaik-baik perkataan adalah Kitab Allah SWT dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Nabi Muhammad SAW, seburuk-buruk perkara adalah perkara yang baru yang direka (bid'ah) dan setiap perkara bid'ah adalah sesat."

'Ibn Taymiyyah dengan tegas menyatakan:

وَقَدْ اتَّفَقَ أَهْلُ الْمَعْرِفَةِ وَالتَّحْقِيقِ أَنَّ الرَّجُلَ لَوْ طَارَ فِي الْهَوَاءِ، أَوْ مَشَى عَلَى الْمَاءِ، لَمْ يُتَّبَعْ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مُوَافِقًا لِأَمْرِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ رَأَى مِنْ رَجُلٍ مُكَاشَفَةً أَوْ تَأْثِيرًا فَاتَّبَعَهُ فِي لَافِ الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ كَانَ مِنْ جِنْسِ أَتْبَاعِ الدَّجَّالِ، فَإِنَّ الدَّجَّالَ يَقُولُ لِلسَّمَاءِ: أَمْطِرِي فَتُمْطِرُ، وَيَقُولُ لِلْأَرْضِ، أَنْبِتِي فَتُنْبِتُ، وَيَقُولُ لِلْخَرِبَةِ أَخْرِجِي كُنُوزَكِ فَتَخْرُجُ مَعَهُ كُنُوزُ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ، وَيَقْتُلُ رَجُلًا ثُمَّ يَأْمُرُهُ أَنْ يَقُومَ فَيَقُومَ، وَهُوَ مَعَ هَذَا كَافِرٌ مَلْعُونٌ عَدُوٌّ لِلَّهِ.[3]

Yang bermaksud:
"Dan sesungguhnya telah bersepakat oleh orang yang memiliki pengetahuan dan pandangan kebenaran bahawa seseorang itu sekiranya dia terbang di udara atau berjalan di atas air, maka tidak boleh diikutinya kecuali sekiranya ianya bertepatan dengan perintah Allah SWT dan Rasul-

[1]Lihat: Taqī al-Dīn Abū al-'Abbās Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm bin 'Abd al-Salām bin 'Abdullah bin Abī al-Qāsim bin Muḥammad bin Taymiyyah al-Ḥarānī al-Ḥanbalī (1987), ***al-Fatāwā al-Kubrā li 'Ibn Taymiyyah***, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jld. II, hlm. 77'

[2]'Abu al-Husayn Muslim b. al-Hajjāj b. Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī (1998), ***Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim bi Sharḥ al-Imām al-Nawawī*** (sunt. Muhammad Fu'ād `Abd al-Bāqī), Bab: Takhfīf al-Ṣalāh wa al-Khuṭbah, no hadith: 867, Beirut: Dār al-Turāth al-`Arabī, jld. II, hlm. 592.

[3] 'Ibn Taymiyyah (1987), ***op. cit***, jld. I, hlm. 204.

Nya. Sesiapa yang melihat seseorang menyingkap atau mempengaruhi sedangkan ianya membelakangi al-Kitab (al-Quran) dan al-Sunnah maka dia adalah termasuk dari jenis pengikut Dajjal, kerana sesungguhnya Dajjal berkata kepada langit: "Hujanlah" maka diapun hujan, dia berkata kepada bumi: "Tumbuhkanlah (tumbuh-tumbuhan)!" maka dia pun menumbuhkan. Dia berkata kepada perbendaharaan: "Keluarkanlah perbendaharaanmu!" maka dia pun mengeluarkan emas dan perak, dia (Dajjal) membunuh seseorang kemudian dia memerintahkannya untuk bangkit (hidup kembali) maka diapun bangkit, dan dia bersama kata-katanya ini adalah kafir lagi terla'nat dan dia adalah musuh Allah SWT".

iii. Imam 'Izz al-Dīn 'Abd al-Salᾱm membahagikan *bid'ah* kepada lima bahagian.

Pembahagian ini berdasarkan kepada hukum *taklīfī* yang di tentukan ke atasnya. Ini kerana *bid'ah* adalah amalan baharu dan bukan hukum. Oleh itu, perkara baharu ini juga perlulah ditimbang di atas neraca hukum yang lima iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Contohnya, wajib mengkaji ilmu tatabahasa (*naḥw*) untuk memahami al-Qur'an dan hadith, sunat mendirikan sekolah dan tempat pengajian, harus bersalam-salaman selepas solat Subuh dan 'Asar, harus juga memudah dan meluaskan urusan makan, minum, pakaian dan tempat tinggal, makruh menghias masjid dengan ukiran dan haram mengikut fahaman *Qadariyyah* dan *Jabariyyah*.[1]

Pada pandangan penulis, Imam 'Izz al-Din 'Ibn 'Abd al-Salᾱm memperincikan pembahagian *bid'ah* yang telah disebutkan oleh Imam al-Shᾱfi'ī. Beliau meperincikan *bid'ah* kepada *bid'ah ḥasanah* harus, *bid'ah ḥasanah* wajib dan *bid'ah ḥasanah* sunat. Manakala *bid'ah ḍalalah* pula dibahagikan kepada makruh dan haram.

Pada pandangan penulis pula, *bid'ah* adalah salah satu cabang fiqah yang berkaitan ibadah di mana ianya adalah amalan yang baharu tanpa dalil yang zahir atau jelas samada berdasarkan al-Quran, al-Sunnah, *ijmᾱ'* dan *athar ṣahᾱbah*. Amalan *bid'ah* ini jika dinilai secara terperinci (*tafsīlī*) berkaitan setiap amalan yang terdapat di dalamnya, maka ianya terikat dengan hukum *taklīfī* yang lima kerana ianya adalah berkaitan suruhan dan larangan *Shara'*. Namun, jika *bid'ah* tersebut dinilai secara umum serta *wasilah* pelaksanaannya, maka ianya terikat dengan hukum *waḍ'ī* iaitu berkaitan *ṣaḥ* atau batal atau dengan kata lain boleh ataupun tidak

[1] Lihat: 'Izz al-Dīn 'Abd al-Salᾱm (1991), ***op. cit***.

untuk diamalkan kerana ianya berkaitan dengan cetusan atau ciptaan *mukallaf*. Dalam konteks hukum *waḍ'ī* ini, jika sesuatu *bid'ah* itu diketegorikan sebagai baik (*ḥasanah*), maka ianya boleh diamalkan, jika sebaliknya yakni sesat (*ḍalālah*), maka ianya perlu dihindari. Contohnya, dalam wirid selepas solat terdapat *istiqfār*, ayat-ayat *shifā'*, zikir dan selawat di mana kesemuanya mempunyai petunjuk jelas dari dalil *Shara'* tentang perintah mengamalkannya seperti Firman Allah berkaitan zikir:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا [1]

Yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah, zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya di waktu pagi dan petang."

Berkaitan selawat pula, Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا[2]

Yang bermaksud:
"Sesungguhnya Allah dan para malaikatNya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu ke atas
Nabi dan ucapkanlah salam kepadanya."

Seterusnya amalan-amalan zikir dan selawat ini jadikan suatu wirid dan dipilih untuk diamalkan sejurus selepas setiap kali solat *farḍū.*

Hubung Kait *Maṣlaḥah Mursalah* Dengan *Bid'ah*.

Persamaan kedua-duanya adalah dari sudut tiada sandaran dalil yang jelas daripada al-Quran, al-Sunnah serta *athār ṣahābah.* Perbezaan kedua-duanya pula, *maṣlahah mursalah* adalah salah satu sumber hukum yang tidak disepakati oleh *Usuliyyun*, Manakala *bid'ah* pula pada pandangan penulis adalah amalan cetusan *mukallaf* hasil daripada *ijtihād*

[1] ***Al-Qur'an***, surah al-Aḥzāb: 41-42.
[2] ***Al-Qur'an,*** surah al-Aḥzāb: 56.

setempat. Ianya boleh ditentukan dengan hukum *taklīfī* yang lima jika dilihat secaca terperinci amalan ibadah yang terdapat dalam sesuatu amalan yang dikatakan *bid'ah* tersebut, ataupun ditentukan dengan hukum *waḍ'ī* iaitu samada *ṣaḥ* atau tidak jika dinilai dari segi amalan dan perantara (*wasīlah*). Penerimaan dan penolakkan prinsip *maṣlahah mursalah* ini memberi kesan kepada status sesuatu *bid'ah* iaitu samada ianya *ḥasanah* atau *ḍalālah.*

Doktrin *Maṣlaḥah Mursalah* Dan *Bid'ah* Dalam Ibadah Berkaitan Solat

Melafazkan Niat Sebelum *Takbīrah al-Ihrām*

Maksud Niat Sebelum *Takbīrat Al-Iḥrām*

Tiada niat di dalam solat, maka tidak ṣah solat tersebut kerana ia adalah termasuk dalam rukun solat. Sabda Rasulullah SAW di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Saidina 'Umar RA seperti berikut:

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ [1]

Yang bermaksud:
"Sesungguhnya setiap amalan itu bermula dengan niat".

Tempat niat adalah di dalam hati. Maka Niat adalah perbuatan hati bukannya dengan lidah atau susunan ayat tertentu.[2] Dengan itu, para *Fuqahā'* sepakat mengatakan bahawa tidak disyaratkan melafazkan niat sebelum *takbīrah al-ihrām*.[3]

Pandangan Para *Fuqahā'* Tentang Lafaz Niat Sebelum Solat

[1]Muḥammad bin Ismā'īl Abū 'Abdullah al-Bukhārī al-Ja'fī (1422H), ***Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*** (sunt. Muhammad Sahir bin Nāṣīr al-Nāṣīr), Damsyiq: Dār Tūq al-Najāh, Bāb Kaifa Kāna Bad' al-Waḥy ilā Rasūlillah SAW, no. Hadith: 1, jld I, hlm. 6

[2]Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī al-Ṭūsī (1417H*),* ***al-Wasīṭ fi al-Madhhab*** (sunt. Aḥmad Maḥmūd Ibrāhīm et.al) , Qaherah: Dār al-Sal;ām, jld.2, hlm. 89.

[3]Dr. Wahbah bi Muṣṭafā al-Zuhaylī (t.t), ***al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh***, Damsyiq: Dār al-Fikr, jld. I, hlm. 163.

Para *Fuqahā'* berbeza pendapat mengenai lafaz niat tersebut. Menurut 'Ibn Nujaym, para *'ulamā'* mazhab Hanafī berpandangan seperti berikut:[1]

i. Dalam kitab *Munyah al-Muṣollīn* menyatakan bahawa hukumnya adalah sunat. Menurut 'Ibn Nujaym, ini adalah pendapat yang terpilih seperti yang dinyatakan di dalam beberapa buah kitab seperti *al-Mujtabā, al-Hidāyah, al-Kāfī* dan *al-Tabyīn.* Menurut beliau, amalan ini dianggap baik karena dapat memberi tumpuan sepenuh-nya kepada niat. Menurut 'Ibn Nujaim lagi, di dalam kitab *al-Ikhtiyār* oleh Muhammad bin al Hasan menyatakan bahawa amalan tersebut adalah sunat. Demikkian juga keterangan di dalam kitab *al Mabṣūṭ* dan *Badāi'al-Sanai'.*

ii. Dalam kitab *al-Qunyah* menyatakan sebaliknya iaitu ianya adalah *bida'h*, kecuali ketika tidak memungkinkan bagi seseorang itu untuk menegakkan niat di dalam hati selain dengan cara mengucapkannya dengan lisan, maka diharuskan berbuat demikian. 'Ibn Nujaim menambah, dinukilkan daripada sebagian *'ulamā'* bahawa yang disunatkan adalah meringkaskan niat di dalam hati, namun begitu apabila diucapkan di lisannya maka dibolehkan.

iii. Dalam kitab *Sharḥ al-Munyah*, sebagaian *Fuqahā'* berpendapat bahawa perbuatan tersebut perlu dihindari. Di dalam kitab *Fatḥ al-Qadīr* menyata-kan bahawa ianya adalah *bid'ah* kerana tidak sabit daripada Rasulullah SAW samada melalui Hadith *ṣahīḥ* ataupun Hadith *ḍa'īf* yang Baginda SAW memulakan solat dengan melafaz-kan*: "Saya solat begini (uṣallī kadhā) juga tidak pernah sabit riwayat daripada para sahabat dan para tābi'īn. Yang pasti ianya adalah perbuatan bid'ah".*

Menurut para *Fuqahā*' Madhhab Mālikī adalah tidak melafazkan niat kerana hal tersebut tidak pernah di nukilkan dari Nabi SAW dan para sahabatnya, demikian juga tidak dinukilkan dari para imam yang empat.[2]

[1]Zayn al-Dīn 'Ibn Nujaim al-Miṣrī (t.t), ***al-Baḥr al-Rāiq Sharḥ Kanz al-Daqāiq***, ttp: Dār al-Kitāb al-Islāmī, jld. I, hlm 293.
[2]***Ibid.***

Namun begitu, pengecualian bagi mereka yang was-was, maka disunatkan melafazkannya agar terhindar dari kesamaran.[1]

Para *Fuqahā'* Hanbalī pula berpendapat bahawa perbuatan ini adalah sebahagian daripada belitan dan tipu daya Iblis yang akan menimbulkan perasaan was-was di dalam diri manusia di dalam menunaikan solat. 'Ibn Qayyim al-Jawziyy menjelaskan seperti berikut:

> *"Apabila Nabi SAW berdiri menunaikan solat, Baginda SAW berkata: Allahu Akbar, dan tidak mengatakan apa-apa sebelumnya, Tiada lafaz niat dan Dia tidak mengatakan: Sahaja aku bersolat sekian-sekian, mengadap Kiblat, 4 raka'at, sebagai Imam atau Makmum. dan tidak juga Baginda SAW berkata 'tunai' atau 'qadā', atau 'farḍ. Ini semua adalah bid'ah yang tidak diriwayatkan daripada mana-mana 'ulamā' melalui mana-mana Isnād, samada ṣahīh ataupun ḍa'īf. Tidak pula diriwayatkan daripada para Sahabat, dan tidak daripada Tābi'īn atau daripada Imam-imam yang empat".*[2]

Mewakili madhhab Sḥāfi'ī adalah pendapat beberapa orang *fuqahā'* yang kesemuanya bersetuju dengan lafaz niat. Antaranya adalah:

i. Al-Malbārī dan al-Ramlī memberi pandangan yang sama iaitu disunat melafazkan niat sebelum *takbīrah al-Ihram* agar lisan dapat membantu hati dan menghindari perselisihan dengan *'ulama'* yang mewajibkannya."[3]

---

[1]Muhammad bi Aḥmad bin 'Urfah al-Dasūqī al-Mālikī (1230H) ***Ḥāshiyah al-Dusūqī 'alā Sharh al-Kabīr***, Damsyiq: Dār al-Fikr, jld I, hlm. 233.

[2]Jamaluddīn Abu al-Faraj 'Abd Raḥmān 'Alī bin Muhammad al-Jawzī (2001), ***Talbīs Iblīs***, Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr, hlm. 124.

[3] Zainuddīn Aḥmad bin 'Abd al-'Azīz bi Zain al-Dīn bi 'Alī bin Aḥmad al-Ma'barī al-Malībārī (t.t), ***Fatḥ al-Mu'īn bi Sharḥ Qurrah al-'Ain bi Muhimmāt al-Dīn,*** t.t.p: Dar 'Ibn Ḥazim, cet.1, hlm. 93; Al-Ramlī, Shamsuddīn Muḥammad bi Abī al-'Abbās Aḥmad bin Ḥamzah Shahābuddīn (1994), ***Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ Manhāj***, Beirut: Dār al-Fikr, jld. I, hlm. 457.

ii. Al-Sharbīnī juga berpendapat bahawa disunatkan mengucapkan niat sebelum *takbīrah al-iḥrām*, agar lisan dapat membantu hati, karana hal tersebut dapat menjauhkan penyakit was-was.[1]

iii. Al-Bakrī atau dikenali juga dengan al-Dumyāṭī mempunyai pandangan yang sama iaitu disunatkan melafazkan niat, maka apabila hatinya berniat solat Zuhur sedangkan lisannya mengucapkan solat Asar, maka tiada masalah, karena yang dikira adalah apa yang ada didalam hati. Beliau menjelaskan lagi bahawa tujuan daripada lafaz niat ialah membantu hati agar terhindar dari was-was dan menghindari perselisihan dengan *'ulama'* yang mewajib-kannya.[2]

Kesimpulannya, para *fuqahā'* mempunyai pandangan yang pelbagai tentang masalah ini. Terdapat dalam kalangan mereka yang mengambil kira *maṣlaḥah* dan ada pula sebaliknya yang hanya melihat ianya bukanlah amalan Rusulullah SAW dan para sahabat. Selain daripada para *Fuqahā'* Madhhab Shafi'ī yang berpendapat ianya disunatkan, para *fuqahā'* dalam tiga mazhab yang lain pula mempunyai pandangan yang berbeza. Dalam madhhab Hanafi terdapat tiga pendapat mengenai masalah ini iaitu:

i. Hukumya adalah sunat sepertimana pendapat *Fuqahā'* mazhab Shāfi'ī yang bertujuan untuk membantu menghadirkan niat di dalam hati.

ii. Ianya adalah *bid'ah* kecuali bagi mereka yang mempuyai penyakit was-was, maka ianya diharuskan.

iii. Ianya adalah *bid'ah* sama sekali.

Para *'ulamā*' mazhab Mālikī pula berpendapat lebih baik meninggalkan perbuatan tersebut kecuali mereka yang was-was, maka ianya disunatkan. Manakala pendapat 'Ibn Qayyim al-Jawziyy mewakili mazhab Hanbalī dilihat lebih tegas melarang perbuatan tersebut dengan mengangapnya sebagai sebahagian daripada perancangan jahat iblis.

---

[1]Shamsuddīn Muhammad bin Ahmad al-Khatīb al-Sharbīnī al-Shāfi'ī (1994), ***Muqnī al-Muḥtāj 'Ila Ma'rifah M'ānī al-Minhāj***, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet.1, jld.I, hlm. 343.

[2]Abū Bakr bin Muhammad Shaṭā al-Bakrī al-Dumyāṭī (1997*)*, ***I'ānah al-Ṭālibīn 'Alā Ḥill Alfāẓ Fath al-Mu'īn,*** Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', cet. 1, jld. I, hlm. 152.

Amalan Lafaz Niat Berdasarkan *Maṣlahah Mursalah*

Penulis berpandangan bahawa amalan ini janganlah sampai mengganggu para jama'ah yang lain samada melalui suara yang kuat atau melafazkannya berkali-kali kerana adanya perasaan was-was bahawa ayat yang dilafazkan itu tidak betul. Tindakan ini boleh menganggu tumpuan (*khushū'*) jama'ah lain yang solat berhampiran. Sikap sebeginilah sebenarnya merupakan suatu perbuatan *bid'ah ḍalālah*. Namun, sekiranya diamalkan dengan cara yang baik, maka ianya dibolehkan kerana dapat menghindari was-was dan menyokong niat dalam *takbīrah al-Iḥrām*.

Wirid Berjama'ah Selepas Solat Jama'ah (*Ṣolāt Jamā'ah*)

Pengertian Wirid (*Wird*)

Menurut Muhammad Rawwās Qal'ajī:

> التلاوة ويسمى كل قول وفعل يأتيه الانسان في وقت معين على وجه مبين: وردا والاذكارالتي يأتي بها الانسان في أوقات معينة.[1]

Yang bermaksud:
"Dinamakan setiap perkataan dan perbuatan manusia pada waktu tertentu dengan cara yang jelas sebagai wirid. Ianya adalah bacaan al-Quran dan zikir-zikir yang dilakukan oleh manusia pada waktu tertentu."

Menurut Ustaz Sulaiman bin Ibrahim dalam artikelnya yang bertajuk Wirid selepas Solat Oleh Sheikh 'Abd al-Rauf Singkel: *"Wirid adalah zikir khusus daripada Al-Quran, Sunnah Rasulullah SAW dan amalan para 'ulamā' mu'tabar*."[2]

---

[1]Muhammad Rawwās Qal'ajī (1988), ***Mu'jam Luqah al-Fuqahā'***,Beirut: Dār al-Nafāis li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', cet 2, hlm. 501.

[2] Ustaz Sulaiman bin Ibrahim, Pensyarah Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia di dalam buku bertajuk ***Wirid Selepas Solat, oleh Sheikh Abd al-Rauf Singkel*** yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2003. (Abdul Rauf 'Ibn Ali al-Fansuri (1024 H/1615 M - 1105 H/1693 M) atau juga lebih dikenali sebagai Tok Sheikh di Kuala merupakan seorang penulis dan *ulama'* yang mengajar di Aceh sekitar tahun 1661. Abdul Rauf dilahirkan di Singkil, Aceh. Dengan itu dia juga dikenali sebagai Abdul Rauf Singkel. *Lihat:* 'Abd al-Râuf al-Sinkîlî (t.t), ***'Umdat*** =

Berdasarkan pengertian di atas dapat disimpulkan bahawa wirid bermaksud amalan membaca ayat al-Quran yang terpilih, berdoa, berzikir dan berselawat ke atas Nabi SAW dengan kadar tertentu mengikut amalan para *'ulama' mu'tabar*. Amalan yang mulia ini pula hanya diamalkan pada masa tertentu.

Pandangan Para *Fuqahā'* Mengenai Wirid Berjama'ah Selepas Solat Fardhu.

Dalam perbincangan ini penulis memberi tumpuan kepada amalan wirid selepas solat fardhu (*farḍ*), kerana ada golongan yang mempertikaikan amalan tersebut dengan dakwaan bahawa ianya termasuk dalam kategori *bid'ah* yang menyesatkan (*bid'ah ḍalālah*) berdasarkan fatwa daripada 'Ibn Taymiyyah.[1] Sekalipun pada asasnya 'Ibn Taymiyyah berpandangan bahawa amalan wirid selepas solat adalah suatu amalan yang baik, namun menurutnya jika dijadikan amalan kebiasaan, maka ianya adalah *bid'ah*.[2]

Manakala pendapat yang membolehkannya pula berbeza pandangan dari sudut pelaksa-naannya sekalipun semua *Fuqahā'* dari empat mazhab sepakat menyata-kan bahawa zikir-zikir yang diriwayatkan dalam hadith-hadith *ṣaḥīḥ* sunat dibaca selepas solat fardhu[3] samada solat fardhu tersebut terdapat selepasnya solat sunat (*ba'diyyah*) ataupun tidak.

Menurut 'Ibn al-Humām mewakili *para Fuqahā'* mazhab Hanbalī bahawa jika sekiranya solat fardhu terdapat selepasnya solat sunat *ba'diyya*h, maka yang lebih diutamakan (*awlā*) ialah melaksanakan solat *ba'diyyah* terlebih dahulu, selepas itu baru diiringi dengan zikir-zikir yang diriwayatkan dalam

=

al-Muhtājîn ilā Sulūk Maslak al-Mufradīn, Perpustakaan Nasional Jakarta, ML, 103 B, fol. 112.

[1] Lihat: Taqī al-Dīn Abū al-'Abbās Aḥmad bin 'Abd al-Halīm bin 'Abd al-Salām bin 'Abdullah bin Abī al-Qāsim bin Muḥammad 'Ibn Taymiyyah al-Ḥarānī al-Ḥanbalī al-Damshiqī (1987), ***al-Fatāwā al-Kubrā***, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, cet. 1, jld. I, hlm. 53.

[2] ***Ibid***.

[3] Lihat: Aḥmad bin Ghanīm bin Sālīm bin Mahnā Shahab al-Dīn al-Nafrawī (1995), ***al-Fawākih al-Diwānī 'Alā Risālah 'Ibn Abī Zaid al-QirwānI***, Beirut: Dār al-Fikr, jld 1, hlm. 192. Lihat: al-Bahūtī, Manṣūr bin Yūnus bin Ṣilāh al-Dīn bin Ḥasan bin Idrīs (1993), ***Sharḥ Muntahā al-Irādāt***, Beirut: 'Ālam al-Kutub, cet. 1, jld.1, hlm. 205

hadith-hadith *ṣaḥīh*. Jika solat fardhu itu tiada solat sunat *ba'diyyah* seperti solat Asar *('Aṣr),* Subuh *(Ṣubḥ)*,
maka zikir-zikir tersebut sunat dibaca segera sejurus selesai sahaja solat fardhu.[1]

Berkaitan dengan tinggi rendahnya suara wirid pula, Al-Hāfiz 'Ibnu Hajar al-Asqalānī menjelaskan berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada 'Ibn 'Abbās yang menceritakan seperti berikut: [2]

أَنَّ رَفْعَ الصَّوْتِ، بِالذِّكْرِ حِينَ يَنْصَرِفُ النَّاسُ مِنَ المَكْتُوبَةِ كَانَ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ [3]

Yang bermaksud:
"Sesungguhnya meninggikan suara berzikir selepas orang ramai selesai menunaikan solat lima waktu telahpun berlaku di zaman Nabi SAW."

Bahkan 'Ibn 'Abbās menceritakan lagi:

كُنْتُ أَعْرِفُ انْقِضَاءَ صَلاَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالتَّكْبِيرِ[4]

Yang bermaksud:
"Saya tahu bahawa selesainya solat Nabi SAW apabila saya mendengar takbīr."

Hadith riwayat 'Ibn 'Abbās yang menerangkan perlakuan Rasulullah SAW dan huraian 'Ibn Hajar menunjukkan secara nyata bagaimana Rasulullah SAW dan para sahabat berzikir secara kuat dan berjma'ah.

Hadith ini menjadi dalil harus berzikir secara kuat selepas solat lima waktu. Namun Imam al-Nawawi berkata: berdasarkan hadith ini, Imam Shāfi'ī telah memberikan pendapat bahawa para imam disunatkan berzikir secara kuat selepas solat lima waktu dalam tempoh waktu yang singkat sahaja dan

[1]Kamāl al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Wāḥid al-Siwāsī 'Ibn Humām (t.t), ***Fath al-Qadīr***, Beirut: Dār al-Fikr, jld. 1, hlm. 239.
[2]Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍl al-'Asqalānī al-Shāfi'ī (1379H), ***Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,*** Beirut: Dār Ma'rifah, jld. 2, hlm. 326.
[3]Lihat: ***Ibid,*** Bab: al-Zikr Ba'd al-Ṣalāh, no. hadith: 841, jld. II, hlm. 326
[4]Lihat: ***Ibid***, Bab: Al-Zikr Ba'd al-Ṣalāh, no hadith: 842.

bukannya dilakukan secara berterusan. Ini kerana matlamat berzikir secara kuat adalah bertujuan untuk mengajar para makmum kalimah-kalimah zikir dan bagaimana cara berzikir dengan betul dan mengikut sunnah. Pendapat yang dipilih oleh Imam Shāfi'ī iaitu imam dan makmum disunatkan berzikir secara perlahan melainkan seorang imam yang berhajat mengajar para makmumnya.[1]

Amalan Wirid Berjamaah Selepas Solat Jama`Ah Berdasarkan *Maṣlaḥah Mursalah* Di Malaysia.

Penulis menyokong pandangan yang mengharuskan amalan ini kerana ianya bertepatan dengan firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ [2]

Yang bermaksud:

"(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah dalam keadaan berdiri, duduk dan berbaring. Dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."

Dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan antara sifat *ulū al-bāb* adalah mereka sentiasa berzikir pada setiap masa samada dalam keadaan berdiri, duduk mahupun berbaring. Bukan itu sahaja, bahkan mereka selalu memerhati sekeliling dan berfikir tentang kejadian langit dan bumi serta apa yang terdapat di dalamnya. Menurut al-Shawkānī, yang dimaksudkan dengan al-zikr dalam ayat ini ialah mengingati Allah SWT dalam semua keadaan samada dalam solat mahupun di luar solat.[3]

Dikesempatan yang ada terutamanya selepas solat seeloknya diambil kesempatan sekejap untuk berwirid sebelum sibuk dengan urusan dunia yang mungkin kita terlupa atau lalai mengamalkannya. Berwirid secara

[1]Abū Zakariyyā Maḥyuddīn Yaḥyā bi Sharafal-Nawawī (1994), ***al-Adhkār***, Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Nshr wa al-Tawzī', hlm.71.
[2]***Al-Qur'an,*** surah Āli 'Imrān: 191.
[3]Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad bin 'Abdulllah al-Shawkānī al-Yamanī (1414H.), ***Fatḥ al-Qadīr***, Beirut: Dār 'Ibn Kathīr, cet. 1, jld. 1, hlm. 470.

berjama'ah mengikuti Imam yang baik bacaannya dapat menambah semangat dan kesungguhan dalam mengamalkannya berbanding mengamalkannya secara individu. Sebagai umat Islam yang tidak berbahasa Arab, amalan tradisi ini secara tidak langsung dapat memperbaiki kualiti bacaan al-Quran, zikir serta selawat khusu untuk umat Islam di sini berbanding umat Islam yang sudahpun berbahasa Arab semenjak dilahirkan. Inilah bentuk kebaikan yang diperolehi daripada amalan wirid ini.

Doa Berjamaah Selepas Solat *Jama'ah*

Maksud Doa Berjama'ah Selepas Solat *Jama'ah*

Berdoa secara berjama'ah (*jamā`ah*) yang dimaksudkan ialah seorang imam berdoa manakala makmum mengaminkan doa tersebut yang diamalkan sejurus selepas wirid megiringi solat jama'ah khusunya solat lima waktu.

Sebagai seorang muslim, Allah SWT telah mendidik kita supaya memohon pertolongan dan bantuan daripadaNya dalam apa jua keadaan, Firman Allah SWT:

> وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ[1]
>
> Yang bermaksud:
> *"Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahwasanya Aku adalah dekat. Aku menerima permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepadaKu, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintahKu) dan hendaklah mereka beriman kepadaKu, agar mereka selalu berada dalam kebenaran."*

Ayat di atas menegaskan bahawa Allah SWT berada sangat dekat dengan hamba-Nya serta menyaksikan sekaligus menqabulkan setiap permohonan doa dari hamba-Nya.Doa juga sebagai perantaraan (*wasīlah*) bagi manusia untuk menyata-kan rasa syukur atas segala nikmat dan anugerah yang Allah SWT kurniakan kepada mereka.

Pandangan Para *Fuqahā'* Tentang Doa Berjamaah Selepas Solat *Jama'ah*

[1] ***Al-Qur'an***, surah al-Baqarah: 186.

Masalah ini terdapat perselisihan di kalangan para *fuqahā'* seperti berikut:

Pertama: Ianya dilarang. Pendapat tersebut adalah seperti berikut:

i. 'Ibn Taymiyyah ketika ditanya berkaitan dengan mereka yang membantah imam kerana tidak berdoa selepas solat. Jawapan beliau ialah:

> *"Tidak pernah Nabi SAW berdoa bersama makmum selepas solat lima waktu seperti yang dilakukan oleh sesetengah orang selepas solat Subuh dan Asar. Tidak pernah diriwayat hal itu oleh seseorang pun. Tiada seorang pun dari kalangan imam empat yang menyata-kan baiknya perkara itu. Sesiapa yang memetik daripada al-Imam al-Shāfi'i bahawa dia menyukai-nya adalah salah. Ungkapannya yang ada dalam kitab-kitabnya menafikan hal itu. Demikian al-Imam Ahmad dan imam-imam yang lain tidak pernah menyukai hal ini".*[1].

ii. 'Ibn Bāz juga pernah ditanya tentang perkara yang sama iaitu adakah harus seorang imam berdoa selepas selesai solat *farḍ* agar Allah SWT menerima solat, puasa serta membaiki keadaan, memberi rahmat untuk mereka yang hidup dan yang telah mati hal keadaan makmum mengaminkan doa tersebut di belakangnya. Jawapan yang diberikan oleh beliau ialah tidak harus.[2]

Pandangan 'Ibn Bāz berdasarkan Sabda Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Saidatinā 'Āishah seperti berikut:

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ [3]

Yang bermaksud:

"Sesiapa yang mengamalkan sesuatu yang bukan berasal daripada kami,

maka amalan tersebut adalah tertolak."

---

[1]'Ibn Taymiyyah (1987), ***op. cit***, jld. II, hlm. 251.

[2]Lihat: 'Abd al-'Azīz bin 'Abdullah bin Bāz (t.t), ***Majmū' Fatāwā al-'Allāmah 'Abd al-'Azīz bin Bāz***, t.t.p, jld. XXX, hlm. 170-171.

[3]Muslim (t.t), ***op. cit***, Bab: Naqḍ al-Aḥkām al-Bāṭilah, no. hadith: 1718, jld. III, hlm. 1343.

Dalam hadith yang lain, daripada Saidatinā 'Āishah bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ، فَهُوَ رَدٌّ [1]

Yang bermaksud:
"Sesiapa yang membuat suatu perkara baru dalam urusan kami ini yang tiada dalilnya, maka perkara tersebut tertolak"

'Ibn Bāz menegaskan bahawa Rasulullah SAW tidak pernah berdoa dan diaminkan oleh para sahabat samada selepas solat Subuh (*Ṣubḥ),* Zohor (*Ẓuhr),* Asar *('Aṣr),* Maqrib *(Maqrīb) atau* Isyak *('Īshā').* Makmum hanya boleh berdoa secara bersendirian tetapi tidak secara berjama'ah.[2]

Kedua: Ianya dibolehkan. Pendapat tersebut adalah seperti berikut:

i. Al-Hākim dalam *al-Mustadrak* menyatakan bahawa terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Ḥabīb bin Maslamah al-Fihriyy, Nabi SAW bersabda seperti berikut:

لَا يَجْتَمِعُ مَلَأٌ فَيَدْعُو بَعْضُهُمْ، وَيُؤَمِّنُ الْبَعْضُ، إِلَّا أَجَابَهُمُ اللَّهُ[3]

Yang bermaksud:
"Tidak berkumpul sekeumpulan manusia lalu sebahagian mereka berdoa sementara yang lain mengaminkannya kecuali Alah SWT akan menqabul-
kannya."

Dalam Hadith yang lain:

---

[1]Al-Bukhārī (1422H), ***op. cit***, Bab: Izā iṣṭalahū 'Alā Ṣulḥ, no hadith: 2697, jld. III, hlm 184; Muslim (t.t), ***op. cit***, Bab: Naqḍ al-Aḥkām al-Bāṭilah, no. hadith: 1718, jld. III, hlm 1343; Abū Dāwud Sulaiman bin al-Ash'ath bin Ishāq bin Bashīr bin Shaddād bin 'Amr al-Azdī (2009), ***Sunān Abī Dāwūd*** (sunt. Shu'aib al-Arn'ūṭ), Bab: Bāb fī Luzūm al-Sunnah, no Hadith: 4606, t.t.p: Dār al-Risālah al-'Ālamiyyah, jld. 7, hlm 15.

[2]Lihat: 'Ibn Bāz, ***op. cit***.

[3]Abū 'Abdullah al-Ḥākīm Muḥammad bin 'Abdullah bin Muḥammad bin Ḥamdawiyyah bin Nu'im bin al-Ḥakam al-Ḍibbī al-Ṭahmānī al-Nīsābūrī 'Ibn al-Bay' (1990), ***al-Mustadrak 'Alā Ṣahīhayn*** (sunt. Muṣṭafā 'Abd al-Qādīr 'Aṭā), Bab: Zikr Manāqib Ḥabīb bin Muslimah al-Fahrī RA, no. Hadith 5478. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet. 1, jld. 3, hlm. 390.

أَنَّ رَجُلًا جَاءَ زَيْدَ بْنَ ثَابِتٍ فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ، فَقَالَ لَهُ زَيْدٌ: عَلَيْكَ بِأَبِي هُرَيْرَةَ، فَإِنَّهُ بَيْنَا أَنَا وَأَبُو هُرَيْرَةَ وَفُلَانٌ فِي الْمَسْجِدِ ذَاتَ يَوْمٍ نَدْعُو اللَّهَ تَعَالَى، وَنَذْكُرُ رَبَّنَا خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى جَلَسَ إِلَيْنَا، قَالَ: فَجَلَسَ وَسَكَتْنَا، فَقَالَ: عُودُوا لِلَّذِي كُنْتُمْ فِيهِ . قَالَ زَيْدٌ: فَدَعَوْتُ أَنَا وَصَاحِبِي قَبْلَ أَبِي هُرَيْرَةَ، وَجَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُؤَمِّنُ عَلَى دُعَائِنَا[1]

Yang bermaksud:

"Bahawasanya seorang lelaki datang kepada Zaid bin Thābit bertanya tentang sesuatu, lalu Zaid menyuruhnya berjumpa dengan Abi Hurairah yang ketika itu bersama seorang sahabat lain sedang berdoa dan berzikir di dalam masjid, tiba-tiba datang Rasulullah dan duduk bersama-sama, kami pun berdiam diri, lalu Baginda SAW bersabda: "Kembalilah kepada apa yang sedang kamu lakukan." Berkata Zaid: "Lalu aku serta sahabatku berdoa sebelum berdoanya Abu Hurairah lalu Baginda SAW mengaminkan doa kami"

Muhammad Yusuf Al-Binūrī di dalam kitabnya *Ma'ārif al-Sunan* menegas-kan hadith ini memadai sebagai dalil atas amalan kebiasaan oleh umat Islam di tempat-tempat tertentu iaitu berdoa secara berjemaah selepas sembahyang kerana beginilah yang dinyatakan oleh para *fuqahā'* mazhab Hanafi.[2]

ii. Dr. al-Mūsā Shāhīn menukilkan pandangan Imam Nawawi dalam kitab *al-Majmū' Sharḥ Muhadhab*. Al-Nawāwī menegaskan bahawa berdoa disunatkan bagi imam, makmum dan mereka yang bersembahyang seorang diri mengiringi semua solat tanpa *khilāf 'ulamā'*. Tambah Imam al-Nawāwī lagi bahawa Imam disunatkan memaling ke arah makmum ketika berdoa.[3]

Doa Berjamaah Selepas Solat Berdasarkan *Maṣlahah Mursalah* Di Malaysia

[1] ***Ibid***, Bab: Zikr Abi Hurairah, no. hadith: 6158, jld. III, hlm. 582.

[2] Muḥammad Yūsuf bin Muḥammad Zakariyyā al-Banūrī (1413H), ***Ma`ārif al-Sunan Sharḥ Jāmi' al-Turmizī***, t.t.p, jld. III, hlm. 123.

[3] Dr. Mūsā Shāhīn (2002), ***Fatḥ al-Mun'im Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim***, t.t.p: Dār al-Shurūq, cet.1, jld.III, hlm. 475.

Dengan adanya amalan yang baik ini dapat memberi peluang dan ruang kepada para jama'ah yang ingin menambah amal soleh sebagai bekalan di akhirat dengan kesempatan bersama-bersama dengan para imam yang baik, lancar dan fasih bacaan doanya. Ditambah dengan kesibukan bekerja, inilah situasi yang terbaik melaksanakan ibadat khususnya berdoa.

Sementara itu, pandangan yang diberikan oleh para *'ulamā'* dahulu dan semasa, maka dapatlah dirumuskan bahawa amalan doa ini bukanlah sesuatu yang dilarang berdasarkan *maṣlahah mursalah* hasil amalan tradisi di Malaysia. Terdapat banyak doa yang boleh dibaca selepas selesai solat berjamaah berbanding membacanya sebelum memberi salam. Kesempatan waktu yang panjang bolehlah di ambil peluang oleh para jama'ah meng-aminkan doa-doa yang dibaca oleh imam.

Bersalam-salaman Sambil Berselawat Selepas Solat *Jama'ah*

Pengertian Bersalam-Salaman (*al-Muṣāfaḥah*)

Dari segi bahasa, *al-muṣāfahah* ialah: *al-akhdh bi al-yad*. Dalam bahasa Inggeris ialah: shaking hands atau hands shake.[1] Manakala dalam bahasa Malaysia ialah berjabat tangan[2] ataupun bersalam-salaman[3]

Dari segi istilah pula ianya ialah: Bersentuhan tapak tangan seseorang dengan tapak tangan seseorang yang lain dengan sama-sama memandang wajah yang mengikut sunnahnya adalah dengan menggunakan kedua-dua belah tangan.[4] Manakala dalam kamus Dewan pula ialah: Memegang atau mengeggam tangan antara satu sama lain sambil mengoncang-goncangnya.[5]

Dalam kajian ini, penulis memilih menggunakan istilah bersalam-salaman bagi maksud *muṣāfaḥah* seperti yang terdapat dalam hadith dan kitab-kitab dahulu dan semasa.

---

[1]Muḥammad bin 'Alī bin bin al-Qāḍī Muḥammad Ḥāmid bin Muḥammad Ṣābir al-Fārūqī (1996), ***Mawsū'ah Kashāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-'Ulūm*** (sunt. Dr. 'Alī Daḥrūj), Beirut: maktabah Lubnān Nāshirūn, jld. 2, hlm. 1554.
[2]Dr. Teuku Iskand ed.al (1989), ***op. cit***, hlm. 465.
[3]Lihat: ***ibid***, hlm 1100.
[4]Muḥammad Rawwās Qal'ajī (1988), ***op.cit***, hlm. 432.
[5]Dr. Teuku Iskandar ed. al (1998), ***op. cit***.

Pandangan *Fuqahā'* Tentang Bersalam-salaman Sambil Berselawat Selepas Solat

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Qatādah di mana beliau bertanya kepada Anas bin Mālik seperti berikut:

أَكَانَتِ الْمُصَافَحَةُ فِي أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَالَ: نَعَمْ[1]

Yang bermaksud:
"Aku bertanya Anas bin Mālik: *"Adakah bersalam-salam diamalkan oleh para sahabat?"*, maka Anas bin Mālik menjawab: *"Ya"* (yakni ianya diamalkan)."

Dalam sebuah hadith yang lain pula, diriwayatkan daripada Salman al-Fārisī bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الْمُسْلِمَ إِذَا لَقِيَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ فَأَخَذَ بِيَدِهِ تَحَاتَّتْ عَنْهُمَا ذُنُوبُهُمَا، كَمَا تَتَحَاتُ الْوَرَقُ مِنَ الشَّجَرَةِ الْيَابِسَةِ فِي يَوْمِ رِيحٍ عَاصِفٍ، وَإِلَّا غُفِرَ لَهُمَا، وَلَوْ كَانَتْ ذُنُوبُهُمَا مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ[2]

Yang bermaksud:
"Sesungguhnya seorang muslim apabila bertemu saudaranya lalu kedua-duanya bersalam-salaman, aka gugurlah dosa-dosa daripada kedua-duanya sepertimana gugurnya dedaun daripada pokok yang kering kerana anging kencang. Sekiranya tidak sedemikian, maka diampunkan dosa kedua-duanya sekalipon sebanyak buih di lautan"

Penulis tidak menemui pendapat para *fuqahā'* yang mengatakan bahawa amalan Ini dilarang oleh *Shara'*. Bahkan dari segi pemerhatian penulis, amalan ini diamalkan di seluruh dunia oleh semua bangsa dan agama. Namun, apabila amalan bersalaman ini dikaitkan dengan solat yakni selepas solat berjamaah, maka terdapat perbezaan pandangan para *'Ulamā'* seperti berikut:

i. 'Ibn Taymiyyah tidak menggalakkan ianya menjadi amalan kebiasaan kerana beliau berpandangan bahawa ianya tidak terdapat pada zaman

[1]Al-Bukhārī (1422H), ***op. cit,*** Bab: Al-Muṣāfaḥah, no. hadith: 6263, jld. VIII, hlm. 59.
[2]Al-Ṭabrānī (t.t), ***op. cit***, Bab: Al-Ja'd Abū 'Uthmān, no. hadith: 6150, Kaherah: Maktabah 'Ibn Taymiyyah, cet.2, jld.VI, hlm. 256.

Nabi SAW dan juga para sahabat. Menurut beliau, hadith-hadith yang membicarakan tentang bersalam-salaman hanyalah ketika bertemu sahaja.[1] Pendapat yang sama juga dalam kitab *Fatāwā Yaslūnak* yang menjelaskan bahawa amalan bersalam-salaman oleh kebanyakkan para jamaah di masjid-masjid selepas memberi salam dan sebelum menunaikan solat sunat adalah *bid'ah* dan membelakangi *sunnah*.[2]

ii. Dinukilkan di dalam kitab *Fatāwā Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah* pendapat 'Iz al-Dīn 'Abd al-Salām yang menyatakan bahawa ianya adalah harus kerana tiada larangan untuk mengamalkannya sekalipun menjadi amalan kebiasaan. Bahkan menurut beliau, Imam al-Nawāwi juga perpandangan sedemikian malahan menghukumkannya sunat kerana pada pandangan beliau: Asal *muṣāfaḥah* adalah sunat.[3] Selagi tiada dalil yang melarangnya, maka ianya adalah dibenarkan.

Berkaitan dengan berselawat ketika bersalam-salaman selepas solat, penulis tidak menemui samada hadith, *athār Sahābah* atau catata-catatan *fuqahā'* dahulu yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW dan para sahabat mengamalkannya sepertimana dalam kajian berkaitan hukum bersalam-salaman dan kelebihannya. Apa yang terdapat dalam catatan-catatan dahulu hanyalah berkaitan dengan selawat secara umum. Contohnya, ''Ibn Qayyim al-Jawziyy menjelaskan terdapat empat puluh satu (41) tempat yang disyari'atkan berselawat.[4] Tidak satupun dari tempat tersebut adalah ketika bersalam-salaman selepas solat. Sekiranya kenyataan ini sahaja dijadikan dalil, maka bersalam-salaman sambil berselawat selepas solat adalah *bid'ah*. Bukan sekadar itu sahaja, malahan mengucap ucapan seperti berikut juga adalah *bid'ah*:

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ[5]

Yang bermaksud:

[1]Lihat: Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, ***op. cit***. lihat: 'Ibn Taymiyyah (1987), ***op. cit***, jld. II, hlm. 305.
[2]Lihat: Dr. Husām al-Dīn bin Mūsā 'Afānah (1430H), ***Fatāwā Yas'alūnak***, Pelastine: Maktabah Dandīs, cet. 1, jld. 1, hlm. 55.
[3]Dār al-Iftā al-Miṣriyyah***, op. cit.***
[4] Lihat: Muḥammad bin Abī Bakr bin Ayyūb bin Sa'd Shamsuddīn 'Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1987), ***Jalā' al-Afhām fi Faḍl al-Ṣalāh 'alā Muḥammad Khayr al-Anām*** (sunt. Muḥammad al-Arna'ūṭī),al-Kuwait: Dār al-'Arūbah, cet.2, hlm. 327.
[5]Ḥusām al-Dīn bin Mūsā Muḥammad bin 'Ifānah (2004), ***Ittibā Lā Ibtidā'***, Palastin: hlm. 23.

"Semoga Allah menerima solat dan amalan dari kami dan juga dari kamu."

Namun, jika dilihat dari segi suruhan berselawat secara umum serta nilai-nilai murni hasil daripada amalan tersebut, maka ianya tidak bertentangan dengan *Shara'*. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا[1]

Yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepada-Nya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya."

Diriwayatkan daripada Abī Ḥurairah, Sabda Nabi SAW:

وَصَلُّوا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ قُبُورًا، وَلَا تَجْعَلُوا قَبْرِي عِيدًا، عَلَيَّ فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ تَبْلُغُنِي حَيْثُ كُنْتُمْ.[2]

Yang bermaksud:

"Janganlah kamu menjadikan rumah-rumah kamu seperti kubur-kubur, dan janganlah kamu menjadikan kubur-Ku sebagai tempat perayaan, berse-lawatlah kepada-Ku, maka sesungguhnya selawat kamu akan sampai kepada-Ku walaupun di mana kamu berada."

Dalam konteks ini, kedua-dua ayat al-Qur'-an dan hadith di atas menyeru umat Islam supaya banyak berselawat ke atas Nabi SAW dalam apa keadaan sekalipun (*ḥaithuma kuntum*) mereka berada. Sekalipun ketika bersalam-salaman selepas solat berjamaah.

Amalan Bersalam-Salaman Selepas Solat Jamaah Sambil Berselawat Berdasarkan *Maslahah Mursalah*

Dengan adanya amalan yang penuh disiplin ini, penulis sangat bersetuju dengannya kerana terdapat banyak kebaikan (*maslaḥah*) yang boleh

[1] ***Al-Qur'an***, surah al-Aḥzāb: 56.

[2] Abū Dāwud, Sulaiman bin al-Ash'ath bin Isḥāq bin Bashīr bin Shaddād bin 'Amrū al-Azdī (t.t), ***Sunan Abī Dāwud*** (sunt. Muḥammad Maḥyu al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd), Bab: Ziyārah al-Qubūr, no. hadith:2042, Beirut: Maktabah al-'Aṣriyyah, jld. II, hlm. 218.

diperolehi daripada amalan kebiasaan tersebut di samping ianya juga dapat menyekat jalan-jalan *(Sadd al-Dharāi')* perbalahan dengan melunturkan pemusuhan dan kekerasan hati sesama para jama'ah. Dengan demikian, akan terus terbina persaudaraan dan keramahan serta simpati antara satu sama lain disamping dapat mengumpul pahala dengan berselawat ke atas Nabi SAW beserta senyuman. Firman Allah SWT:

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ [1]

Yang bermaksud:
"Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas Segala langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa."

Kesimpulan

Dalil setiap amalan di atas adalah berbentuk *naẓariyy* bukan *ḍarūriyy*.[2] Tidak sepatutnya dikatakan *bid'ah ḍalālah* hanya sekadar berhujjah bahawa sesusatu amalan itu tidak pernah diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para Sahabat. Sebaliknya perlulah mengikuti langkah *ijtihād* berikut:

i. Usaha mencari dalil-dalil berkaitan setiap amalan-amalan *juziyy* yang terkandung dalam sesuatu amalan yang dianggap sebagai *bid'ah*. Kemudian kaitkannya pula dengan *wasīlah* mengamalkannya dan *maṣlaḥah* yang terdapat padanya. Contohnya, perintah berzikir, berselawat, membaca al-Qur'an, amalan secara berjama'ah, berlumba-

[1] ***Al-Qur'an***, surah Āli 'Imrān: 133.
[2] *'Ilm ḍarūriyy* adalah pengetahuan yang dapat diperolehi secara langsung tanpa memerlukan penelitian dan dalil, seperti pengetahuan bahwa api itu panas. Manakala ilmu *naẓariyy* pula adalah pengetahuan yang hanya boleh diperolehi dengan cara melakukan penelitian, misalnya pengetahuan tentang waj'Ibnya niat dalam berwudhu'. Lihat: Muḥammad bin 'Alī 'Ibn al-Qāḍī Muḥammad Ḥāmid bin Muḥammad Ṣābir al-Fārūqī al-Tahānawī (1996), ***Mawsū'ah Kashshāf Iṣṭilāhāt al-Funūn wa al-'Ulūm***, Beirut: Maktabah Lubnān Nāshirūn, jld. II, hlm 1286.

lumba membuat amal kebaikan, beristiqāmah dan berdisiplin dalam amalan dan sebagainya adalah berdasarkan dalil-dalil yang khusus bagi setiap amalan tersebut. Kemudian amalan-amalan ini diamalkan dan dijadualkan pada masa-masa tertentu dan di tempat-tempat yang tertentu. Ini adalah bentuk disiplin yang baik untuk diamalkan.

ii. Nilai juga samada amalan-amalan ini berada dalam ruang lingkup tujuan *Shara'* seperti memastikan akidah terpelihara dengan cara memastikan ibadat utama atau teras seperti solat lima waktu disuburkan dengan adanya amalan ibadah yang menyokong-nya seperti empat amalan *bid'ah* yang dikaji dalam penulisan ini. Sekiranya diamalkan semata-mata kerana menurut nafsu seperti adanya unsur pergaulan bebas lelaki dan wanita serta pendedahan aurat, maka perlulah ianya dihindari.

iii. Kemudian lihat pula kepada latar belakang sesuatu amalan yang dikatakan *bid'ah* tersebut. Perlu dingatkan agar janganlah menceduk terus hukum hakam khususnya yang berkaitan ibadah berdasarkan fatwa di tempat lain, misalnya di Makkah dan Madinah untuk diaplikasikan di sini. Ini memandangkan ibadat di sana pahalanya adalah berlipat kali ganda berbanding di Malaysia. Amat merugikan sekiranya umat Islam di sini tidak merebut peluang untuk memperolehi pahala daripada amalan-amalan khusus berkaitan solat yang diamalkan semenjak sekian lama walaupun amalan-amalan ini dianggap *bid'ah.*

Empat amalan ibadah berkaitan solat yang terdapat dalam kajian ini adalah amalan kebiasaan umat Islam di Malaysia dan mempunyai banyak kebaikan sekalipun tiada dalil yang jelas daripada al-Qur'an, al-Sunnah dan *athār Ṣaḥābah*. Meninggalkan amalan ini menyebabkan umat Islam akan tercari-cari masa, tempat dan keadaan lain yang sesuai untuk mengamalkannya dan akhirnya dikhuatiri akan hilanglah ibadah-ibadah yang boleh dianggap sebagai keperluan (*ḥājiyyah*) atau pelengkap (*taḥsīniyyah*) kepada kepada solat. *Wallahua'lam*

Rujukan

Al-Quran al-Karīm

'Abd al-Râuf al-Sinkîlî (t.t), ***'Umdat al-Muhtājîn ilā Sulūk Maslak al-Mufradīn***, Perpustakaan Nasional Jakarta, ML, 103 B, fol. 112.

Al-Ḍibbī, Abū ʻAbdullah al-Ḥākīm Muḥammad bin ʻAbdullah bin Muḥammad bin Ḥamdawiyyah bin Nu'aim bin al-Ḥakam al-Ḍibbī al-Ṭahmānī al-Nīsābūrī 'Ibn al-Bay' (1990), ***al-Mustadrak 'Alā Ṣahīhain*** (sunt. Muṣṭafā ʻAbd al-Qādīr ʻAṭā) Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abū Dāwud Sulaiman bin al-Ash'ath bin Ishāq bin Bashīr bin Shaddād bin ʻAmr al-Azdī (2009), ***Sunān Abī Dāwūd*** (sunt. Shu'aib al-Arn'ūṭ), t.t.p: Dār al-Risālah al-'Ālamiyyah.

Abū Muḥammad 'Izz al-Dīn 'Abd al-'Azīz bin 'Abd al-Salām bin Abī al-Qāsim bin al-Ḥasan al-Silmī (1991), ***Qāwa'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām***, Kaherah: Maktabah al-Kulliyyāt al-Azhariyyah.

Al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍl al-'Asqalānī al-Shāfi'ī (1379H), ***Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,*** Beirut: Dār Ma'rifah.

Al-Baghdādī, Zain al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab bin al-Ḥasan al-Salāmī al-Baghdādī al-Ḥanbalī (2001), ***Jāmi' al-'Ulūm wa al-Ḥikam*** (sunt. Ibrāhīm Bājis), Beirut: Muassasah al-Risālah.

Al-Bahūtī, Manṣūr bin Yūnus bin Ṣilāh al-Dīn bin Ḥasan bin Idrīs (1993), ***Sharḥ Muntahā al-Irādāt***, Beirut: 'Ālam al-Kutub.

Al-Bakrī, Abū Bakr bin Muhammad Shaṭā al-Bakrī al-Dumyāṭī (1997*),* ***I'ānah al-Ṭālibīn 'Alā Ḥill Alfāẓ Fath al-Mu'īn,*** Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī'.

Al-Banūrī, Muḥammad Yūsuf bin Muḥammad Zakariyyā al-Banūrī (1413H), ***Ma`ārif al-Sunan Sharḥ Jāmi' al-Turmizī***, t.t.p.

Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl Abū 'Abdullah al-Bukhārī al-Ja'fī (1422H),***Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*** (sunt. Muhammad Sahir bin Nāṣīr al-Nāṣīr), Damsyiq: Dār Tūq al-Najāh.

Al-Būrī, Muhammad Sayyid Ramaḍān al-Būṭī (2000), ***Ḍawābiṭ al-Maṣlaḥah fi Sharī`ah al-Islāmiyyah***, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Al-Dasūqī, Muhammad bi Aḥmad bin 'Urfah al-Dasūqī al-Mālikī (1230H) ***Ḥāshiyah al-Dusūqī 'alā Sharh al-Kabīr***, Damsyiq: Dār al-Fikr.
Al-Fārūqī, Muḥammad bin 'Alī bin bin al-Qāḍī Muḥammad Ḥāmid bin Muḥammad Ṣābir al-Fārūqī (1996), ***Mawsū'ah Kashāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-'Ulūm*** (sunt. Dr. 'Alī Daḥrūj), Beirut: Maktabah Lubnān Nāshirūn.

Al-Harawī, Muḥammad bin Aḥmad bin al-Azharī al-Harawī (2001), ***Tahzīb al-Luqah*** (sunt. Muḥammad 'Iwad Mur'ab), Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

Al-Malibarī, Zainuddīn Aḥmad bin 'Abd al-'Azīz bi Zain al-Dīn bi 'Alī bin Aḥmad al-Ma'barī al-Malībārī (t.t), ***Fatḥ al-Mu'īn bi Sharḥ Qurrah al-'Ain bi Muhimmāt al-Dīn,*** t.t.p: Dar 'Ibn Ḥazim

Al-Nafrawī, Aḥmad bin Ghanīm bin Sālīm bin Mahnā Shahab al-Dīn al-Nafrawī (1995), ***al-Fawākih al-Diwānī 'Alā Risālah 'Ibn Abī Zaid al-QirwānI***, Beirut: Dār al-Fikr

Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Maḥyuddīn Yaḥyā bi Sharafal-Nawawī (1994), ***al-Adhkār***, Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Nshr wa al-Tawzī'.

Al-Sharbīnī, Syamsuddīn Muhammad bin Ahmad al-Khatīb al-Sharbīnī al-Shāfi'ī (1994), ***Mughnī al-Muḥtāj 'Ila Ma'rifah M'ānī al-Minhāj***, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad bin 'Abdulllah al-Shawkānī al-Yamanī (1414), ***Fatḥ al-Qadīr***, Beirut: Dār 'Ibn Kathīr.

Al-Tahānawī, Muḥammad bin 'Alī 'Ibn al-Qāḍī Muḥammad Ḥāmid bin Muḥammad Ṣābir al-Fārūqī al-Ḥanafī al-Tahānawī (1996), ***Mawsū'ah Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-'Ulūm*** (sunt. Dr Raqīq al-'Ajamī ed al), Beirut: maktabah Lubnān Nāshirūn.

Al-Zuhaylī, Dr. Muhammad Muṣṭafā al-Zuhaylī (2006***), al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī***, Damshiq: Dār al-Khair li al-Ṭibā`ah wa al-Nashr wa al-Tawzī`, cet. 2.

_____(t.t), ***al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh***, Damshiq: Dār al-Fikr.

Dr. Mūsā Shāhīn (20ū'02), ***Fatḥ al-Mun'im Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim***, t.t.p: Dār al-Shurūq.

H. Said Agil Husin al-Munawar (1998), ***Konsep al-Maslahah Sebagai Satu Sumber Perundangan Islam,*** Jurnal Islamiyyat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi: UKM.

'Ibn 'Affānah, Dr. Ḥusām al-Dīn bin Mūsā 'Affānah (1430H), ***Fatāwā Yas'alūnak***, Pelastine: Maktabah Dandīs.

'Ibn 'Affānah, Dr. Ḥusām al-Dīn bin Mūsā 'Affānah (2004), ***Ittibā lā Ibtidā'***, Pelastine:Mkatabah Dandis.

'Ibn Bāz, 'Abd al-'Azīz bin 'Abdullah bin Bāz (t.t), ***Majmū' Fatāwā al-'Allāmah 'Abd al-'Azīz bin Bāz***, t.t.p.

'Ibn Humām, Kamāl al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Wāḥid al-Siwāsī 'Ibn Humām (t.t), ***Fath al-Qadīr***, Beirut: Dār al-Fikr.

'Ibn Jawziyym, Jamaluddīn Abu al-Faraj 'Abd Raḥmān 'Alī bin Muhammad al-Jawzī (2001), ***Talbīs Iblīs***, Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr.

'Ibn Manẓūr, Muhammad 'Ibn Mukarram Bin 'Ālī Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn 'Ibn Manẓūr al-Ruwaifi'ī (1992), ***Lisān al-'Arab***. Beirut: Dār al-Ṣādir, cet. 3.

'Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn 'Ibn Nujaim al-Miṣrī (t.t), ***al-Baḥr al-Rāiq Sharḥ Kanz al-Daqāiq***, ttp: Dār al-Kitāb al-Islāmī.

'Ibn Qayyim Al-Jawziyyah, Muḥammad bin Abī Bakr bin Ayyūb bin Sa'd Shamsuddīn (1987), ***Jalā' al-Afhām fi Faḍl al-Ṣalāh 'alā Muḥammad Khayr al-Anām*** (sunt. Muḥammad al-Arna'ūṭī), al-Kuwait: Dār al-'Arūbah.

'Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn Abū al-'Abbās Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm bin 'Abd al-Salām bin 'Abdullah bin Abī al-Qāsim bin Muḥammad bin Taymiyyah al-Ḥarānī al-Ḥanbalī (1987), ***al-Fatāwā al-Kubrā li 'Ibn Taymiyyah***, Beiryt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Muḥammad Aḥmad Būrkab (2002), ***al-Maṣlaḥah al-Mursalah wa Atharuhā fi Murūnah al-Fiqh al-Islāmī***, Dubai: Dār al-Buḥūth.

Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad bin Ḥamzah Shahābuddīn (1994), ***Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ Manhāj***, Beirut: Dār al-Fikr.

Muhammad Rawwās Qal'ajī (1988), ***Mu'jam Luqah al-Fuqahā'***, Beirut: Dār al-Nafāis li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

Muslim, Abu al-Husayn Muslim b. al-Hajjāj b. Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī (1998), ***Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim bi Sharḥ al-Imām al-Nawawī*** (sunt. Muhammad Fu'ād `Abd al-Bāqī), Bab: Takhfīf al-Ṣalāh wa al-Khuṭbah, no hadith: 867, Beirut: Dār al-Turāth al-`Arabī.

Ramaḍān `Abd al-Wadūd (1987***), al-Ta'līl bi Maṣlaḥah 'Inda al-Uṣūliyyīn***, Kaherah: Dār al-Hudā li al-Ṭabā`ah.

Ustaz Sulaiman bin Ibrahim, Pensyarah Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia di dalam buku bertajuk ***Wirid Selepas Solat, oleh Shaikh 'Abd al-Rauf Singkel*** yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2003.